

06/03/2000

Nama calon dihantar kepada PM

Rosli Abd Jalil

MENTAKAB, Ahad - Badan Perhubungan Umno negeri akan mengemukakan senarai nama calon Barisan Nasional (BN) yang layak bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata senarai nama itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi (MT).

Katanya, keputusan muktamad mengenai pemilihan calon itu hanya akan diputuskan pucuk pimpinan parti.

"Kita menerima lapan nama yang dicadangkan Umno bahagian Mentakab dan pucuk pimpinan akan meneliti kewibawaan setiap seorang supaya calon yang dipilih diterima pengundi Sanggang.

"Saya yakin calon itu adalah yang terbaik kerana matlamat kita mahu mengekalkan kepemimpinan BN di Sanggang serta mampu menewaskan calon pembangkang," katanya selepas majlis perjumpaan dengan orang ramai di dewan Simpang Peragap, Kerdau, dekat sini, semalam.

Katanya, pemilihan calon BN akan dibuat dengan teliti dan secara terbuka untuk memastikan calon yang terpilih adalah mereka yang diterima masyarakat setempat.

Kelmarin, Ketua Umno bahagian Mentakab, Datuk Bahari Yahaya, berkata pihaknya akan mendapatkan maklum balas daripada peringkat akar umbi sebelum menyenaraikan beberapa nama bagi menjadi calon dalam pilihan raya kecil itu.

Katanya, ini termasuk penghulu, ketua kampung, jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) selain cawangan Umno untuk memastikan calon yang terpilih adalah terbaik daripada yang terbaik.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Ahli Exco Kerajaan Negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang, Datuk Abdullah Kia, pada 26 Februari lalu.

Allahyarham yang mula berkhidmat sebagai wakil rakyat pada 1982 meninggal dunia di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini, kerana diserang angin ahmar.

Terdahulu, dalam ucapannya, Adnan meminta rakyat di Sanggang menolak parti pembangkang kerana sanggup memutarbelitkan agama demi kepentingan politik yang sempit.

Katanya, pemimpin Umno di setiap peringkat perlu terus mengekalkan kerjasama dan perpaduan serta tidak lupa dengan perjuangan asal Umno.